

Amirul tegas suara pandangan pelajar

➔ Kini aktif di PSA dalam bidang kepimpinan kesukarelawanan

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

✦ **Shah Alam**

Pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Amirul Shafiq Abd Karim memilih untuk bergiat aktif dalam bidang kepimpinan kerana mahu menyuarakan pandangan pelajar dan membantu menjaga kebajikan mereka sepanjang menuntut di institusi pengajian tinggi itu.

Pembabitan anak kelahiran Kuala Lumpur itu bermula ketika beliau menun-

kat PSA, kebangsaan dan antarabangsa.

"Saya seorang yang gemar membantu rakan yang memerlukan dan melalui pembabitan aktif dalam kepimpinan serta program kesukarelawanan ini, saya dapat menyuarakan masalah atau pandangan pelajar untuk menambah baik kemudahan di kampus sekaligus menjaga kebajikan mereka sepanjang menuntut di PSA.

Cabaran utama

"Tambahan pula, saya dikelilingi oleh ramai rakan yang turut bergiat aktif dalam bidang kesukarela-

Beliau juga pernah merangkul Anugerah Emas bagi kategori Pemimpin Kolej Kediaman; Sukarelawan Komuniti dan Projek Sukarelawan Terbaik pada Majlis Anugerah Kecemerlangan PSA 2017; Anugerah Gemilang Politeknik dan Kolej Komuniti 2016 dan Finalis Tokoh Siswa Kementerian Pendidikan Tinggi 2015.

Amirul Shafiq berkata, cabaran utama yang perlu dihadapi sepanjang bergiat aktif dalam dua bidang berkenaan ialah mencari saluran yang tepat untuk menyuarakan isu kebajikan pelajar supaya didengari



profil

Amirul Shafiq Abd Karim

➔ **Tarikh lahir:** 31 Mac 1995
➔ **Tempat lahir:** Kuala Lumpur

➔ **Adik-beradik:** lima adik-beradik

Pencapaian:

- **Anugerah Emas** AKEPPSA 2018 (Kategori Sukarelawan Alam Sekitar)
- **Anugerah** Kecemerlangan PSA 2017- Pingat Emas Kategori Pemimpin Kolej Kediaman, Sukarelawan Komuniti dan Projek Sukarelawan Terbaik
- **Anugerah** Gemilang Politeknik dan Kolej Komuniti 2016
- **Finalis** Tokoh Siswa Kementerian Pendidikan Tinggi 2015